

**XXXXXX**

*lwn*

**XXXXXX**

[Dalam Mahkamah Rendah Syariah Daerah Alor Gajah, Melaka (Tuan Mohd Saifuddin Bin Othman, Hakim Syarie), 13 Mac, 2012]

[Kes Mal Permohonan / Tuntutan No : 04002 – 027– 0102– 2012]

**Abstrak / Isu / Tajuk Tuntutan atau Permohonan**

Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Melaka) 2002 – Tuntutan batal perintah nafkah anak – Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam Negeri Melaka 2002 Seksyen 76 dan Seksyen 80.

**Fakta Kes**

Dalam kes ini, XXXXXX (Plaintif) adalah bekas suami kepada XXXXXX (Defendan) Pasangan ini telah bercerai pada 3 Februari 1999 di Mahkamah Syariah Daerah Alor Gajah, Melaka. Mahkamah berkenaan telah memerintahkan Plaintif membayar tunggakan nafkah anak sebanyak RM660.00 secara ansuran melalui potongan pendapatan Plaintif. Plaintif telah memfailkan kes tuntutan untuk membatalkan perintah nafkah anak yang terdahulu kerana beberapa perubahan matan berlaku tentang hal keadaannya.

**Diputuskan**

1. Mahkamah meluluskan permohonan Plaintif. Dengan ini Mahkamah memerintahkan supaya perintah Mahkamah terdahulu pada 29 Mei 2000 dibatalkan.

**Peguam Syarie**

Kedua-dua pihak tidak diwakili oleh peguam.

**DOKUMEN INI HANYA UNTUK RUJUKAN SAHAJA DAN TIDAK BOLEH  
DIGUNAKAN SEBAGAI HUJAHAN DALAM PROSIDING MAHKAMAH**

### **Surah al-Quran yang dirujuk**

1. Surah al-Baqarah – ayat 233.
2. Surah al-Talaq - ayat 7.

### **Hadis yang dirujuk**

1. Riwayat Bukhari dan Muslim maksudnya :  
“Dari Aisyah R.A. bahawa Hindun binti Utbah pernah bertanya : Wahai Rasulullah ! Sesungguhnya Abu Sufian adalah orang kedekut. Ia tidak mahu memberi nafkah kepadaku dan anakku sehingga aku terpaksa mengambil daripadanya tanpa pengetahuannya. Maka Rasulullah bersabda : Ambillah apa yang mencukupi bagimu dan anakmu dengan cara yang baik”.

### **Kitab-Kitab yang dirujuk**

1. Al-Sharbini, Shamsuddin Mohamad, *Mughni al-Muhtaj*, terbitan Dar al-Kutub al-Ilmiah, Beirut, 1421H / 2000M, Jilid 5, hal. 183
- 2.

### **Undang-Undang yang dirujuk**

1. Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Melaka) 2002, Seksyen 49 (3)(b)(i) dan Seksyen 50 (2) (b).
2. Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002, Seksyen 2, Seksyen 4, Seksyen 76 dan Seksyen 80.
3. Enakmen Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Seksyen 7 (1), Seksyen 8 - 12, Seksyen 63 - 66, Seksyen 100, Seksyen 119, Seksyen 124 – 127, Seksyen 130, Seksyen 209, Seksyen 244 serta Seksyen 245.
4. Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Melaka) 2002, Seksyen 3, Seksyen 17, Seksyen 44, Seksyen 48 – 50, Seksyen 72 -76, . Seksyen 85, Seksyen 130

### Kes-Kes lain yang dirujuk

1. XXXXXX lwn. XXXXXX (1991) 8 JH 166.
2. XXXXXX lwn. XXXXXX (2002) 15 JH 13.

### Alasan Penghakiman

Kes ini telah didaftarkan pada 24 Februari 2012. Sebutan pertama telah diadakan pada 13 Mac 2012 di mana keterangan lisan kedua-dua pihak Plaintiff dan Defendan telah diambil. Selain daripada itu, Defendan telah bersetuju dengan tuntutan Plaintiff. Setelah meneliti penyata tuntutan serta dokumen-dokumen selain daripada keterangan lisan pihak plaintiff, Mahkamah berpuashati bahawa ia mempunyai bidang kuasa untuk mendengar dan memutuskan kes ini berdasarkan peruntukan Seksyen 4, Seksyen 45, Seksyen 76 dan Seksyen 80 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002.

Seksyen 4 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 ada memperuntukkan :

*“Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan dengan nyata selainnya, Enakmen ini hendaklah terpakai bagi semua orang Islam yang tinggal dalam Negeri Melaka dan bagi semua orang Islam yang bermastautin dalam Negeri Melaka tetapi tinggal di luar Negeri Melaka”.*

Manakala Seksyen 45 pula menyatakan bahawa :

**45.** *Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dengan nyata, tiada apa-apa jua dalam Enakmen ini memberi kuasa kepada Mahkamah membuat sesuatu perintah perceraian atau perintah mengenai perceraian atau membenarkan seseorang suami melafazkan talaq kecuali—*

*(a) jika perkahwinan itu telah didaftarkan atau disifatkan sebagai didaftarkan di bawah Enakmen ini; atau*

*(b) jika perkahwinan itu telah dilangsungkan mengikut Hukum Syarak; dan*

*(c) jika permastautinan salah satu pihak kepada perkahwinan pada masa permohonan itu diserahkan adalah dalam Negeri Melaka.*

Plaintif telah memfailkan kes untuk memohon Mahkamah ini membatalkan perintah Mahkamah yang terdahulu (bertarikh 29 Mei 2000) yang memerintahkan Plaintif membayar nafkah anak sebanyak RM660.00 sebulan (secara potongan gaji). Tuntutan ini difailkan berdasarkan Seksyen 76 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 yang memperuntukkan bahawa :

*“Mahkamah boleh, atas permohonan seseorang yang berkepentingan, pada bila-bila masa dan dari semasa ke semasa mengubah, atau pada bila-bila masa membatalkan, mana-mana perintah mengenai penjagaan atau nafkah seseorang anak, jika Mahkamah berpuas hati bahawa perintah itu telah diasaskan atas sesuatu salah pernyataan atau kesilapan fakta atau jika sesuatu perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan”.*

Plaintif telah memberi alasan-alasan berikut yang membuktikan bahawa sesuatu perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan :

1. Anak yang bernama XXXXXX telah berumur 25 tahun dan telah bekerja
2. Gaji Plaintif yang tidak mencukupi
3. Defendan bersetuju dengan tuntutan Plaintif

Pada sebutan pertama kes ini pada 13 Mac 2012, Plaintif telah mengemukakan dokumen-dokumen asal seperti berikut bagi membuktikan kesnya :

1. Surat Pengesahan Perceraian Ruj : PADAG 351/23-11/jld2 ( )
2. Perintah Mahkamah bertarikh 29 Mei 2000
4. Salinan Kad Pengenalan anak XXXXXX dan XXXXXX

Manakala pihak Defendan dalam keterangannya, bersetuju memohon Mahkamah untuk membatalkan perintah Mahkamah yang terdahulu

Dalam membuat keputusan, Mahkamah merujuk kepada Al-Quran di mana Allah S.W.T. berfirman dalam Surah Al-Baqarah, ayat 233 yang bermaksud :

*“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu dan kewajiban bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya. Tidaklah diberatkan seseorang melainkan*

*menurut kemampuannya. Janganlah menjadikan seseorang ibu itu menderita kerana anaknya dan (jangan juga menjadikan) seseorang bapa itu menderita kerana anaknya dan waris juga menanggung kewajipan yang tersebut (jika si bapa tiada)”.*

Ayat ini telah menerangkan tentang peranan yang perlu dijalankan oleh setiap ibu bapa dalam mendidik dan menjaga anaknya. Walaubagaimanapun, tanggungjawab menjaga anak ini tidak boleh dijadikan alasan untuk menaniyai mana-mana pihak sama ada ibu ataupun bapa. Dengan kata lain, peranan masing-masing perlu dilaksanakan dengan adil dan munasabah.

Selain daripada ayat tersebut, Mahkamah juga merujuk kepada Surah Al-Talaq, ayat 7 yang bermaksud :

*“Hendaklah orang yang mampu memberi nafkah menurut kemampuannya dan sesiapa yang di sempitkan rezekinya, maka hendaklah dia memberi nafkah dari apa yang diberikan Allah kepadanya (sekadar yang mampu); Allah tidak memberati seseorang melainkan (sekadar kemampuan) yang diberikan Allah kepadanya. (Orang-orang yang dalam kesempitan hendaklah ingat bahawa) Allah akan memberikan kesenangan sesudah berlakunya kesusahan.”*

Ayat ini pula menjelaskan bahawa kewajipan seseorang memberi nafkah adakah tertakluk kepada kadar kemampuannya

Dari sudut perundangan pula, Mahkamah merujuk kepada Seksyen 76 yang telah disebut sebelum ini dan dibaca bersama Seksyen 80 Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Melaka) 2002 yang antara lain memperuntukkan :

*“Kecuali—*

*(a) jika sesuatu perintah mengenai nafkah seseorang anak dinyatakan sebagai selama apa-apa tempoh yang lebih singkat;*

*(b) jika mana-mana perintah itu telah dibatalkan; atau*

*(c) jika mana-mana perintah itu dibuat untuk—*

*(i) seseorang anak perempuan yang belum berkahwin atau yang, oleh sebab hilang upaya dari segi mental atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya; atau*

*(ii) seorang anak lelaki yang, oleh sebab hilang upaya dari segi mental atau jasmani, tidak berkebolehan menanggung nafkah dirinya,*

*perintah nafkah hendaklah tamat apabila anak itu mencapai umur lapan belas tahun, tetapi Mahkamah boleh, atas permohonan oleh anak itu atau oleh mana-mana orang lain, melanjutkan perintah nafkah itu supaya meliputi apa-apa tempoh tambahan yang difikirkannya munasabah, bagi membolehkan anak itu mengikuti pendidikan atau latihan lanjut atau lebih tinggi.”*

Dalam kes **XXXXXX lwn. XXXXXX** (1991) 8 JH 166, Jawatankuasa Ulang Bicara Negeri Sembilan menyatakan bahawa perintah nafkah yang dibuat oleh Mahkamah bukanlah muktamad dan boleh diubah oleh Mahkamah itu jika Mahkamah berpuashati bahawa suatu perubahan matan telah berlaku tentang hal keadaan.

Manakala dalam kes **XXXXXX lwn. XXXXXX** (2002) 15 JH 13, Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Sembilan telah menggariskan 2 perkara yang mesti diperjelaskan iaitu :

1. Apakah perkara matan yang telah berubah pada diri Pemohon ?
2. Kepentingan masa depan anak-anak pada jangka waktu yang panjang dan jumlah keperluan nafkah anak-anak.

Berdasarkan peruntukan seksyen tersebut dan kaitannya dengan kes ini, Mahkamah membuat kesimpulan seperti berikut :

1. Berlaku perubahan matan kepada diri anak-anak yang sudah dewasa serta mampu untuk menyara diri sendiri.
2. Keperluan kewangan Plaintiff disebabkan hal keadaan ekonomi
3. Persetujuan Defendan secara sukarela

**(Mohd saifuddin Bin Othman)**

Hakim Syarie,  
Mahkamah Rendah Syariah  
Daerah Alor Gajah, Melaka.